**MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT**

**PEMBERITAHUAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Majlis Perbandaran Segamat. Keutamaan akan diberikan kepada **Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim.**

| Bil | Jawatan | Gred | Klasifikasi Perkhidmatan | Kumpulan Perkhidmatan | Jadual Gaji Minima-Maksima |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Arkitek<br>Taraf Jawatan: Tetap<br>(Kekosongan : 1) | J41 | Kejuruteraan | Pengurusan Dan Profesional | RM2,529.00-RM9,643.00 |
| 2 | Akauntan<br>Taraf Jawatan: Tetap<br>(Kekosongan : 1) | WA41 | Kewangan | Pengurusan Dan Profesional | RM2,820.00-RM9,585.00 |
| 3 | Pegawai Penilaian<br>Taraf Jawatan: Tetap<br>(Kekosongan : 1) | W41 | Kewangan | Pengurusan Dan Profesional | RM2,094.00-RM9,585.00 |
| 4 | Pegawai Perancang Bandar Dan Desa<br>Taraf Jawatan: Tetap<br>(Kekosongan : 1) | J41 | Kejuruteraan | Pengurusan Dan Profesional | RM2,529.00-RM9,643.00 |
| 5 | Penolong Pegawai Tadbir<br>Taraf Jawatan: Tetap<br>(Kekosongan : 1) | N29 | Pentadbiran dan Sokongan | Pelaksana | RM1,493.00-RM5,672.00 |
| 6 | Pembantu Tadbir (P/O)<br>Taraf Jawatan: Tetap<br>(Kekosongan : 1) | N19 | Pentadbiran dan Sokongan | Pelaksana | RM1,352.00-RM4,003.00 |
| 7 | Pembantu Kesihatan Awam<br>Taraf Jawatan: Tetap<br>(Kekosongan : 2) | U19 | Kesihatan | Pelaksana | RM1,360.00-RM4,052.00 |
| 8 | Pembantu Penguatkuasa<br>Taraf Jawatan: Kontrak<br>(Kekosongan : 2) | KP19 | Keselamatan Dan Pertahanan Awam | Pelaksana | RM1,360.00-RM4,052.00 |
| 9 | Penolong Arkitek Landskap (PSH)<br>(Kekosongan : 1) | JA29 | - | - | RM 72.00 sehari |

Permohonan hendaklah dibuat dalam borang permohonan jawatan dengan memuat turun borang di laman web **www.mpsegamat.gov.my**.
Tarikh tutup permohonan : **22.10.2019 (SELASA)**
Iklan dan syarat-syarat kelulusan juga boleh didapati melalui laman web Majlis Perbandaran Segamat.

# JAWATAN 1 – ARKITEK

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | **:** | **KEJURUTERAAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | **:** | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | **:** | **J41** |
| **GAJI MINIMUM-MAKSIMUN** | **:** | **RM2,529.00 - RM9,643.00** |
| **TARAF** | **:** | **TETAP** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang g diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,736.28).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Seni Bina adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara Lantikan ke jawatan Arkitek Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

   (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau

   (ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

   (b) had umur pelantikan:

   (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantik lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

   (ii) berumur kurang 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**UJIAN SARINGAN PSIKOLOGI**

4. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

## JAWATAN 2 - AKAUNTAN

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | **:** | **KEWANGAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | **:** | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | **:** | **WA41** |
| **GAJI MINIMUM-MAKSIMUM** | **:** | **2,820.00 – 9,585.00** |
| **TARAF** | **:** | **TETAP** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau

(ii) lulus peperiksaan akhir Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan..

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau

(iii) lulus peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara

Lantikan ke jawatan Akauntan Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**UJIAN SARINGAN PSIKOLOGI**

4. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

## JAWATAN 3 – PEGAWAI PENILAIAN

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | **:** | **KEWANGAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | **:** | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | **:** | **W41** |
| **GAJI MINIMUN - MAKSIMUM** | **:** | **2,094.00 – 9,585.00** |
| **TARAF** | **:** | **TETAP** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) Ijazah Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM2,508.29).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penilaian Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau

(ii) lulus Peperiksaan Ikhtisas Bahagian I, Bhagian II dan Bahagian III anjuran Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred W41 lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**UJIAN SARINGAN PSIKOLOGI**

5. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

## JAWATAN 4 - PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **KEJURUTERAAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **J41** |
| **GAJI MINIMUM-MAKSIMUM** | : | **2,529.00 – 9,643.00** |
| **TARAF** | : | **TETAP** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41:RM2,529.00); atau

(ii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang geografi , ekonomi, sains sosial, antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41:RM2,529.00); atau

(iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan Bandar atau bidang-bidang lain yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41:RM2,736.28); atau

(iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41:RM2,943.84).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**UJIAN SARINGAN PSIKOLOGI**

4. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

## JAWATAN 5 - PENOLONG PEGAWAI TADBIR

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | **:** | **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | **:** | **PELAKSANA** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | **:** | **N29** |
| **GAJI MINIMUM-MAKSIMUM** | **:** | **RM1,493.00 – RM5,672.00** |
| **TARAF JAWATAN** | **:** | **TETAP** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
   - (a) warganegara Malaysia;
   - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
   - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
     (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
     - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
     (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
     - (iii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
     (Gaji permulaan ialag pada Gred N29: RM1,770.95).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
   - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**UJIAN SARINGAN PSIKOLOGI**

4. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

## JAWATAN 6 - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | **:** | **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | **:** | **PELAKSANA** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | **:** | **N19** |
| **GAJI MINIMUM-MAKSIMUM** | **:** | **RM1,352.00 – RM4,003.00** |
| **TARAF JAWATAN** | **:** | **TETAP** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(***Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM 1,352.0***0); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(***Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80***); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Siji Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
***(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).***

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**UJIAN SARINGAN PSIKOLOGI**

4. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

## JAWATAN 7 - PEMBANTU KESIHATAN AWAM

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | **:** | **PERUBATAN DAN KESIHATAN** |
| **KIMPULAN PERKHIDMATAN** | **:** | **PELAKSANA** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | **:** | **U19** |
| **GAJI MINIMUM-MAKSIMUM** | **:** | **RM 1,360.00 – RM4,052.00** |
| **TARAF JAWATAN** | **:** | **TETAP** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan **serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam**.

yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan).

***(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: RM 1 RM1,418.12)***

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau

(b) lulus Peperiksaan Khas; dan

(c) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**UJIAN SARINGAN PSIKOLOGI**

5. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

# JAWATAN 8 - PEMBANTU PENGUATKUASA (LELAKI)

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | **:** | **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | **:** | **PELAKSANA** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | **:** | **KP19** |
| **GAJI MINIMUM-MAKSIMUM** | **:** | **RM 1,360.00 – RM4,052.00** |
| **TARAF JAWATAN** | **:** | **KONTRAK** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM 1,360.00); atau

(ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM 1,360.00); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM 1,416.40); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM 1,472.80).

dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisin Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji

berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**UJIAN SARINGAN PSIKOLOGI**

3. Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

## JAWATAN 9

## PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29 (PSH)

**1 SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

(c) (i) Sijil dalam bidang teknologi landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;*atau*

(ii) Sijil dalam bidang perancang bandar, kejuruteraan awam (seni bina) atau seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;*atau*

iii) Diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**2 SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf denganya oleh Kerajaan.

**3 TEMPOH LANTIKAN** : **3 BULAN**

4 **TARAF JAWATAN** : **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**

5 **BAYARAN PERKHIDMATAN** : **RM 72.00 sehari (Sijil/Diploma)**
*(tidak termasuk cuti mingguan , cuti kelepasan am dan hari PSH tidak hadir bertugas).*

6 **WAKTU BEKERJA** : (i) sembilan ( 9) jam termasuk waktu rehat.
(ii)Tidak layak dibayar Elaun Lebih Masa.

7 **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Calon-calon yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan Pekerja Sambilan Harian (PSH) iaitu Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2011 yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari masa ke semasa.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**CARA MEMOHON :**

(a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dengan memuat turun borang di laman web **www.mpsegamat.gov.my**.

(b) Permohonan daripada jawatan Gred 29 hingga Gred 41 ke atas hendaklah disertakan dengan "video resume" dalam bentuk sofcopy sebagaimana berikut:-

i) Berdurasi tidak lebih dari 3 minit.
ii) Menggunakan suara sebenar pemohon.
iii) Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon.
iv) Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon.
v) Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
vi) Pekerjaan.aktiviti terakhir atau semasa pemohon.
vii) Ringkasan pencapaian/anugerah tertinggi pemohon.
viii) Ringkasan dan hobi kegiatan luar pemohon.
ix) Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau NGO.
x) Ringkasan kelebihan/kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
xi) Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
xii) Ringkasan kelemahan/kekurangan pemohon

(c) Permohonan-permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**YANG DIPERTUA,**
**MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT,**
**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN,**
**85000 SEGAMAT JOHOR.**

d) Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat berkenaan semasa memohon dan mengembalikan borang-borang permohonan. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut :-

(i) Kad Pengenalan Diri yang telah disahkan;

(ii) Sijil Kelahiran yang telah disahkan;

(iii) Sijil Berhenti Sekolah dan sijil Persekolahan yang telah disahkan;

iv) Sijil Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon yang telah disahkan;

v) Transkip keputusan akhir peperiksaan (jika diploma/ijazah sebenar masih belum diterima) yang telah disahkan;

vi) Satu (1) keping gambar terkini berukuran 'paspot';

vii) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jka ada) yang telah disahkan.

(e) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Penguasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut Peraturan-Peraturan Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005, Peraturan 17 Bab A.

(f) Bagi kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil perlu mendapatkan pengiktirafan kelayakan di Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui laman web http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm dan dilampirkan bersama resume permohonan.

(g) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat seperti di dalam iklan akan **DTOLAK SERTA-MERTA.**

(h) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

(i) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.

(j) Pihak Pentadbiran Majlis Perbandaran Segamat tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**PERINGATAN : SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL) ATAU PENGHULU MUKIM/KETUA KAMPUNG.**